

**KENYATAAN MEDIA PERDANA MENTERI,  
YAB DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK  
DI MESYUARAT MAJLIS EKONOMI BUMIPUTERA (MEB)**

**10 MAC 2014 (ISNIN), 4.45 PETANG**

**BILIK JAWATANKUASA 1, ARAS 1 BLOK DEWAN, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERKEMBANGAN TERKINI DI MESYUARAT PEMERKASAAN EKONOMI  
BUMIPUTERA (SESI KE-EMPAT)**

- Alhamdullilah, Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) telah bersidang dengan jayanya pada hari ini, 10 Mac 2014. Setakat ini, MEB yang telah dilancarkan pada 14 September 2013, telah bersidang sebanyak empat kali, dan sukatanya saya maklumkan bahawa pada setiap persidangan, MEB telah merumuskan pelbagai inisiatif dan langkah-langkah seterusnya demi memantapkan lagi aktiviti pemerkasaan ekonomi Bumiputera.
- Hari ini, ingin saya maklumkan kepada umum mengenai status terkini program-program ini, yang mana secara tidak langsung membuktikan usaha berterusan kerajaan di dalam memastikan kelangsungan pembangunan Bumiputera dicapai.

## **DANA MUDAHCARA BUMIPUTERA**

- Kerajaan menyedari bahawa kita perlu memberikan sokongan kepada usahawan Bumiputera untuk meningkatkan pelaburan melalui pembiayaan inisiatif swasta dan sekali gus membina kapasiti mereka untuk bersaing di pasaran terbuka.
- Sehubungan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Dana Mudahcara dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion iaitu geran sehingga 15% daripada keseluruhan kos projek yang bernilai sekurang-kurangnya RM5 juta dan mempunyai komponen infrastruktur, jentera dan/atau peralatan.
- Saya ingin mengumumkan sehingga Februari 2014, Dana Mudahcara yang telah diluluskan kepada syarikat-syarikat Bumiputera adalah sebanyak RM1.4 bilion untuk 132 projek melalui kerjasama di antara UKAS, TERAJU dan wilayah-wilayah ekonomi. Ini melibatkan jumlah pelaburan swasta sebanyak RM15.12 bilion di dalam sektor-sektor seperti Minyak, Gas & Tenaga, Pembangunan Hartanah/ Pembinaan dan Pemborongan & Peruncitan.
- Melalui program Dana Mudahcara yang disediakan TERAJU ini, syarikat-syarikat Bumiputera yang terlibat dijangka menyediakan lebih dari 23,000 peluang pekerjaan baru kepada rakyat negara ini.
- Pada hari ini, saya juga amat berbesar hati untuk mengumumkan tujuh lagi syarikat Bumiputera yang akan menerima geran Dana Mudahcara iaitu:

- 1) Grand Ten Holdings Sdn Bhd.
- 2) PEPS-JV (M) Sdn Bhd.
- 3) Dimension Bid Sdn Bhd.
- 4) Faiza Marketing Sdn Bhd.
- 5) Mansalin Education Sdn Bhd.
- 6) Al Ameen Development Sdn Bhd.
- 7) Majpadu Bricks Sdn Bhd.

- Syarikat-syarikat ini akan diberi geran Dana Mudahcara berjumlah hampir RM20 juta untuk melaksanakan projek-projek yang berkaitan seperti:
  - 1) Pembinaan pusat sterilisasi.
  - 2) Pemasangan panel solar.
  - 3) Pembelian peralatan elektronik.
  - 4) Pembinaan kilang pengeluaran dan pemprosesan rempah ratus.
  - 5) Pembangunan kolej swasta.
  - 6) Pembangunan hartanah.
  - 7) Pembelian mesin pembuatan.
- Syarikat-syarikat ini telahpun menandatangani perjanjian bersama TERAJU bagi melaksanakan projek yang diusulkan yang dijangka akan menarik jumlah keseluruhan pelaburan swasta sebanyak RM128.7 juta dan berupaya mewujudkan hampir 700 peluang pekerjaan.
- Saya berharap dengan adanya kemudahan geran Dana Mudahcara ini, akan ada banyak lagi syarikat-syarikat Bumiputera tampil kehadapan bagi melahirkan

projek-projek berimpak tinggi serta berpotensi besar yang mampu menjana ekonomi negara seterusnya memberi manfaat kepada rakyat terutamanya di dalam bidang pekerjaan.

## **DANA PENGEMBANGAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA (BEF)**

- Di kesempatan ini juga, saya dengan sukacitanya mengumumkan satu dana baru iaitu Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera (Bumiputera Expansion Fund) sebanyak RM200 juta telah diwujudkan untuk membantu syarikat Bumiputera yang berteraskan teknologi dalam memperkembangkan operasi perniagaan mereka terutamanya di peringkat antarabangsa. Di peringkat permulaan, dana sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Dana BEF yang diperuntukkan kepada TERAJU ini akan dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).
- Dana BEF ini menyediakan pinjaman bersifat fleksibel tanpa cagaran dan tempoh bayaran balik adalah selama enam tahun bermula pada tahun kedua selepas pembiayaan dikeluarkan. Namun begitu, setiap projek yang dicadangkan haruslah mempunyai prospek keuntungan dan kertas cadangan mestilah tertumpu kepada aktiviti pengembangan perniagaan.
- Sektor-sektor perniagaan yang layak menerima pembiayaan ini adalah terdiri daripada perniagaan berasaskan teknologi dalam bidang Bioteknologi, Teknologi Hijau, Minyak dan Gas, Elektrik dan Elektronik, Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), Teknologi Nano dan Teknologi Makanan.

- Setiap inisiatif yang telah diumumkan tadi mencerminkan keprihatinan dan usaha berterusan oleh pihak Kerajaan untuk menekankan pemerkasaan agenda Bumiputera sebagai Agenda Nasional yang penting. Pada masa yang sama, setiap usaha ini akan dapat menjana peluang pekerjaan baru bagi rakyat Malaysia, InsyaAllah.
- Saya yakin, langkah-langkah baru dan sinergi di antara agensi-agensi kerajaan akan memanfaatkan usahawan Bumiputera dalam membawa perniagaan mereka ke tahap yang lebih progresif. Kita akan bekerja keras untuk terus mengumumkan inisiatif baru yang dapat memperkasa dan menambah daya saing usahawan Bumiputera dengan harapan mewujudkan usahawan Bumiputera bertahap global.

Sekian. Terima Kasih

**10 Mac 2014**